

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN TUNTUTAN UNTUK POTONGAN
BAGI PENGGALAKAN EKSPORT PENDIDIKAN TINGGI
OLEH INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS)
YANG MENYERTAI PAMERAN PENDIDIKAN ANTARABANGSA ATAU
MENGENDALIKAN PROMOSI PENDIDIKAN KE LUAR NEGARA
SECARA PERSENDIRIAN**

1. Setiap IPTS yang ingin menyertai pameran pendidikan antarabangsa tanpa penyertaan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) atau mengendalikan promosi pendidikan ke luar negara secara persendirian adalah dikehendaki memaklumkan kepada Bahagian Pemasaran dan Komersilan Pendidikan Tinggi, KPTM, dua (2) bulan sebelum aktiviti tersebut dijalankan dengan mengisi Borang KPTM/DDI/05 yang disertakan. Segala maklumat yang terdapat dalam borang ini akan digunakan sebagai rujukan untuk mengesahkan maklumat dalam Borang LHDN/BT/DD/POE/HE/2004.
2. Segala jenis perbelanjaan yang perlu diisi dalam Borang KPTM/DI/05 hanya dibuat secara anggaran sahaja. Perbelanjaan sebenar mengikut resit asal akan dilengkapkan dalam Borang LHDN/BT/DD/POE/HE/2004.
3. IPTS hanya perlu mengemukakan salinan resit perbelanjaan sahaja apabila mengemukakan borang LHDN/BT/DD/POE/HE/2004 tetapi resit asal perbelanjaan hendaklah disimpan untuk pemeriksaan audit.
4. IPTS dikehendaki menghantar ke Bahagian Pemasaran dan Pendidikan Antarabangsa, KPTM borang LHDN/BT/DD/POE/HE 2004 dengan menyertakan segala butiran yang telah dilengkapkan sebelum mengemukakan borang tersebut ke Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

*Bahagian Pemasaran dan Pendidikan Antarabangsa
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
Aras 2, Blok E9, Parcel E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62505 PUTRAJAYA
Tel : 03-88835963
Faks : 03-88894206*